

**GARIS PANDUAN PENYIMPANAN GAMBAR MESIN SUALAYAN (KIOSK 1 DAN 2)
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

1. PENGENALAN

- 1.1 Mesin Sualayan (Kiosk 1 dan 2) merupakan mesin peminjaman bahan yang dikendalikan sendiri atau layan diri (*self service*) oleh pengguna perpustakaan. Mesin ini berupaya untuk menangkap gambar (*capture*) setiap kali transaksi peminjaman bahan dilakukan. Gambar-gambar yang telah di "*capture*" akan disimpan di dalam pelayan (*server*) mesin sualayan.
- 1.2 Pada masa ini semua gambar-gambar yang di "*capture*" disimpan dalam pelayan (*server*) mesin sualayan dan ini akan menjejaskan kelancaran perkhidmatan pinjaman.

2. LATAR BELAKANG TUJUAN PENYIMPANAN GAMBAR

- 2.1 Sekiranya terdapat aduan pengguna tidak meminjam bahan, gambar yang di "*capture*" di mesin boleh digunakan sebagai pengesahan rekod pinjaman.
- 2.2 Penyimpanan gambar juga boleh membantu mengenalpasti sama ada pengguna yang meminjam bahan ada pengguna sebenar terutama sekiranya terdapat kes kehilangan / kecurian kad pengguna dan kad tersebut digunakan untuk peminjaman bahan.
- 2.3 Pengesahan maklumat (gambar) adalah tepat kerana pada setiap gambar yang telah di "*capture*", setiap transaksi pinjaman bahan akan disertakan dengan "*time stamp*", nombor kad pelajar dan nombor item bahan (*barkod ID*) yang dipinjam.

3. IMPLIKASI

- 3.1 Sekiranya penyimpanan ini tidak dilaksanakan, siasatan berkaitan (kehilangan / kecurian) tidak dapat dibuat dengan bukti kukuh.
- 3.2 Gambar-gambar ini harus disimpan di *server* selain storan pelayan (*storage server*). Sekiranya tidak dilaksanakan, storan pelayan akan penuh dan menyebabkan keupayaan mesin sualayan berada ditahap yang tidak memuaskan / mengalami gangguan dan kerosakan.

4. OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan bagi;

- 4.1 Menetapkan kaedah penyimpanan gambar-gambar yang di "*capture*" oleh mesin sualayan untuk tujuan rekod.
- 4.2 Sebagai panduan kepada kakitangan yang mengendalikan mesin dan pelayan (*server*) sualayan.

5. TEMPOH PENYIMPANAN DAN PENGELUARAN

- 5.1 Tempoh penyimpanan gambar yang di *capture* dalam Pelayan Mesin Sualayan (storan pelayan (*storage server*)) ialah selama 30 / 31 hari (1 bulan) sahaja.
- 5.2 Selepas 30 / 31 hari (1 bulan), semua gambar hendaklah dikeluarkan dari pelayan dan disimpan (*backup*) di dalam server khusus di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK).
- 5.3 Gambar-gambar tersebut boleh dirujuk / diakses dari masa ke masa oleh Perpustakaan.

6. PENUTUP

- 6.1 Garis Panduan ini disediakan bagi memantapkan lagi Perkhidmatan Mesin Sualayan Perpustakaan di bawah pengendalian *Service Level Agreement* (SLA) Mesin Sualayan.
- 6.2 Garis Panduan ini akan dikaji semula setiap tahun mengikut kesesuaian semasa dari tarikh kelulusan bagi tujuan pengemaskinian dan dibentang dalam Mesyuarat Eksekutif Perpustakaan untuk kelulusan.

Disediakan oleh



MUHAMMAD SYAFARUDDIN MAHALI

Pustakawan Kanan
Ketua Seksyen Pengurusan Sistem Perpustakaan
Bahagian Pengurusan Maklumat
Perpustakaan UMS

Tarikh: 9 Disember 2016

Disemak oleh




ANNA MICHAEL

Timb. Ketua Pustakawan Kanan
Ketua Bahagian Pengurusan Maklumat
Perpustakaan UMS

Tarikh : 9 Disember 2016

Disahkan oleh



DG RUKIAH AG AMIT

Ketua Pustakawan
Perpustakaan UMS
Tarikh: 17 Januari 2017